




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah



Sabah Hebat :
Katakan Tidak Kepada
Nombor 16

MODUL SIMULASI AMALI KIMIA SPM

**GURU
KIMIA
SABAH**



Semerbak haruman ester mewangi setaman....

Salam sejahtera kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM di negeri Sabah.

Sabah Hebat! Katakan Tidak Kepada Nombor 16.

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi warga pendidikan di Malaysia dan dunia amnya. Wabak Pandemik Covid-19 telah membawa perubahan ketara dalam sistem pembelajaran negara. Sesi persekolahan terpaksa ditangguhkan selama hampir 3 bulan. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah mencadangkan penghasilan modul pembelajaran yang dapat membantu murid terutamanya calon SPM 2021. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan limpah-Nya,



MODUL SIMULASI AMALI KIMIA berjaya dihasilkan. Panel penulis modul ini adalah terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Kimia dari pelbagai daerah di negeri Sabah. Mudah-mudahan seluruh warga pendidik dan semua calon SPM di negeri Sabah dapat memanfaatkan modul ini dalam PdPc seterusnya memberi impak yang tinggi kepada peningkatan prestasi calon SPM aliran sains tulen khususnya. Adalah menjadi harapan modul ini akan dapat memberikan panduan kepada semua warga pendidikan yang terdiri daripada guru-guru Kimia, pembantu makmal dan pentadbir sekolah dalam melaksanakan kembali pentaksiran amali sains tulen yang akan dilaksanakan mulai tahun 2021. Ini membolehkan kemahiran pengendalian pentaksiran ini dapat diterapkan setelah hampir 20 tahun pentaksiran amali Sains tidak dilaksanakan. Modul ini pastinya memberi impak yang terbaik dalam kesediaan pentaksiran amali sains dan seterusnya menjana kemahiran amali pelajar untuk ke arah kecemerlangan.

Oleh itu, saya merakamkan sekalung penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan semua panel pembina modul SPM atas komitmen dan usaha jitu dalam terhasilnya modul pembelajaran ini.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga pendidik serta terus bersama-sama menjayakan agenda pendidikan negara demi melahirkan generasi masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian dan selamat maju jaya.

YANG BERBAHAGIA DATUK DR. MISTIRINE BINTI RADIN

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Sabah Hebat! Katakan Tidak Kepada Nombor 16.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita diberikan kekuatan dan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab hakiki dengan penuh dedikasi. Syukur Alhamdulillah **MODUL SIMULASI AMALI KIMIA SPM** dapat dizahirkan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan kepada jawatankuasa Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan semua pembina modul yang telah bertungkus-lumus untuk menyiapkan modul ini.

Besarliah harapan saya agar warga pendidik diamanahkan sebagai pembentuk bangsa dan agama. Setiap guru perlu ada “jiwa pendidik atau roh guru”. Guru bukanlah hanya menghabiskan sukatan dan rancangan mengajar semata-mata tetapi perlu mendidik dan membentuk jati diri murid tanpa rasa jemu. Hal ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam tahun akhir Gelombang Ke-2 (2016-2020) yang mengharapkan murid berupaya bersaing pada peringkat global melalui 6 aspirasi murid. Seiring dengan itu, adalah diharapkan warga pendidik mempelbagaikan teknik mengajar agar PdPc lebih cemerlang dan berkesan serta memanfaatkan modul ini sebagai bahan latih tubi berfokus menjelang peperiksaan SPM 2021. Dengan penghasilan modul ini akan dapat memberikan pengukuhan untuk pengendalian pentaksiran amali sains tulen untuk dijadikan panduan khas bagi guru-guru kimia, pembantu makmal dan pentadbir sekolah amnya. Ini dapat menjamin kecemerlangan pelajar dalam menghadapi pentaksiran kimia SPM 2021.

Akhir bicara, syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja dan panel penulis modul atas kegigihan dan kesungguhan sehingga terhasilnya buah tangan ini. Tiada yang lebih bermakna buat kita sebagai guru melihat anak didik kita berjaya dalam semua aspek yang diceburi. Jangan biarkan air mata kegagalan dalam diri murid kita tetapi siramilah mereka dengan air mata kejayaan. Ayuh! warga guru kita bangkit sederap, senada seirama melonjakkan prestasi murid dan mencapai kualiti kecemerlangan SPM 2021 negeri Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

Pengarah
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Sekalung dari Modul Simulasi AMALI KIMIA 2021

Setelah penantian lebih 20 tahun, pentaksiran amali bersepadu Kimia SPM dilaksanakan kembali bagi pengukuhan pembelajaran inkuri penemuan dan pengukuhan kemahiran proses sains. Langkah memperkenalkan kembali pentaksiran amali sains amat ditunggu-tunggu oleh guru sains khususnya kimia. Ia dapat mempertajamkan lagi kemahiran manipulatif sains yang akan menjadikan pelajar lebih berkemahiran tinggi malah lebih bersedia untuk melangkah ke pengajian tinggi dalam bidang sains. Bagi menyahut cabaran ini, kami pasukan pembina Modul Simulasi Amali Kimia berhasrat agar dengan usaha ini akan dapat membantu guru, pembantu makmal dan juga pelajar dalam menyediakan diri untuk pelaksanaan pentaksiran amali bersempadu SPM. PDPC dari rumah dalam era Covid-19 tidak mematahkan semangat untuk memberi persediaan terbaik khususnya kepada pelajar yang tidak berkesempatan melaksanakan amali sains semasa PDPC BDR di rumah. Dengan menggariskan dua objektif utama yang menjadikan ia serampang dua mata, adalah diharapkan Modul Simulasi Amali Kimia ini akan dapat mencapai objektif berikut :

- i. Menyediakan latihan amali sains secara komprehensif kepada semua calon SPM menjelang penilaian amali sains SPM 2021. Pendedahan kepada pelbagai bentuk simulasi amali SPM akan memberikan lebih keyakinan diri kepada pelajar dan meningkatkan pembelajaran kemahiran proses dan kemahiran manipulative sains.
- ii. Membantu pihak sekolah khususnya warga Panitia Kimia untuk melaksanakan penilaian amali sains SPM dengan lebih berkesan. Modul ini boleh dijadikan panduan asas untuk latihan dalaman kepada guru mata pelajaran, pembantu makmal dan pentadbir peperiksaan dalam kesediaan pelaksanaan amali bersepadu SPM.

Modul Simulasi Amali Kimia (MSAK) ini adalah azimat utama untuk warga pendidik, mungkin ada sebarang kekurangan dan kehilafan dalam edisi pertama Modul Simulasi Amali Kimia ini, kamu memohon kemaafan dan sebarang penambahbaikan amatlah dialu-alukan. Akhirnya kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua rakan guru kimia khususnya, pegawai JPN Sabah dan semua pihak yang membantu dalam menjayakan pembinaan modul ini biarpun dalam keadaan pertemuan alam maya, namun atas kesedaran demi anak diri Sabahan yang tercinta akhirnya usaha ini menjadi kenyataan untuk merealisasikan SABAH Hebat ! Kata tidak kepada no 16.

Dari sidang penggubal

NORAZRI MAT PIAH
SMK KINARUT, PAPAR, SABAH

LAWRANCE ALING
SMK BONGAWAN P/S 03, 89700, SABAH

MUHAMMAD SYAFAAT BIN GHOLIB
SM ISLAMIAH TAWAU,
KM 1.5, JALAN UTARA, 91000 TAWAU.

DAMIT @ JAFFAR BIN MUPARANG
SMK MATUNGGONG 89058 KUDAT SABAH
JOILD JOHN
SMK BUKIT GARAM, KINABATANGAN, SABAH

SENARAI TEAM PENGGUBAL MODUL SIMULASI AMALI KIMIA JPN SABAH

PENYELARAS : **EN. NORAZRI MAT PIAH**

PENYEMAKAN SKEMA : **MUHAMMAD SYAFAAT BIN GHOLIB**

: **LAWRANCE ALING**

AHLI JAWATAN KUASA PENGGUBAL MODUL :

BIL	NAMA PENGGUBAL	SEKOLAH	EEmail	TELEFON
1	NORAZRI MAT PIAH	SMK KINARUT, PAPAR, SABAH	nmp2412@gmail.com	0199630987
2	MUHAMMAD SYAFAAT BIN GHOLIB	SM ISLAMIAH TAWAU, KM 1.5, JALAN UTARA, 91000 TAWAU.	g-55270775@moe-dl.edu.my	0178799834
3	LAWRANCE ALING	SMK BONGAWAN P/S 03, 89700, SABAH	winn5210@gmail.com	0195347652
4	DAMIT @ JAFFAR BIN MUPARANG	SMK MATUNGGONG 89058 KUDAT SABAH	ad1405@gmail.com	0198020082
5	JOILD JOHN	MK BUKIT GARAM, W.D.T 12 90200 KINABATANGAN, SABAH	Joild916adryan@gmail.com	0164101271

KANDUNGAN :

<i>Kandungan</i>	<i>Halaman</i>
1. Sepatah kata	2
2. Senarai penggubal	3
3. Senarai Kandungan	3
4. Senarai Kata Kunci Amali Sains	4
5. Senarai Formula Penting Kimia	
6. Jadual Spesifikasi Ujian Simulasi Amali Kimia	
7. Koleksi Soalan Simulasi Amali Kimia	
a. Jadual Berkala dan Ikatan Kimia	
b. Asid, Bes dan Garam	
c. Kadar Tindak Balas	
d. Keseimbangan Redoks	
e. Sebatian Karbon	
f. Termokimia	
8. Arahan Persediaan Soalan Simulasi Amali Kimia	
9. Panduan Pemarkahan Soalan Simulasi Amali Kimia	
10. Penutup	

BAHAGIAN A : SENARAI KATA KUNCI EKSPERIMEN

BIL	KATA KUNCI	ALAT RADAS / BAHAN KIMIA	CONTOH KAEDAH EKSPERIMEN
1	BERSIHKAN / CLEANED	Air suling / kertas pasir	
2	TURAS / FILTERED	Kertas turas / corong turas	
3	LILIT / COILED	Paku besi	
4	GUNAKAN / USED		
5	LENGKAPKAN / COMPLETED		
6	HIDUPKAN / SUIZ ON		
7	DIDIHKAN / HEAT SLOWLY		
8	MATIKAN / SUIZ OFF		
9	PERIKSA / EXAMED		
10	ALIH / REMOVED		
11	BENARKAN / ALLOWED		
12	TENGGELAMKAN / SUBMERGED		
13	LALUKAN / PASS OVER / PASS THROUGH		
14	SAMBUNGAN / CONNECTED	Tiub penghantaran	
15	BILAS / RINSED	Air suling / asid / alkali	
16	GONCANG / PUSING / SWIRLED		
17	ISIKAN / FILLED		
18	NYALA / LIGHTED		
19	HENTIKAN / STOPPED		
20	PANASKAN / HEAT STRONGLY		
21	TAMBAH / ADDED		
22	KACAU / STIR	Rod kaca	
23	TITIS / DROPPED	2 -3 titis / penunjuk	
24	HANGATKAN / HEAT SLOWLY / WARMED		
25	KUMPUL / COLLECTED	Gas terbebas	
26	UJI / TESTED	Kayu uji / litmus / pH	
27	BIARKAN / LEAVE		
28	BANDINGKAN / COMPARED		
29	CELUP / DIPPED	Elektrod / jalur logam	
30	UKUR / SUKAT / MEASUARED		
31	REKOD / RECORD		
32	TUANG / POURED		
33	TIMBANG / WEIGHT		
34	PENUHKAN / FILLED UNTIL FULL		
35	TELANGKUPKAN / TERBALIKKAN / INVERTED	Buret / tabung uji	
36	APIT / CLAMP	Kaki retot / buret	
37	MASUKKAN / PUT INTO		
38	TUTUP / CLOSED / COVERED		
39	GONGCANG / SHAKEN		
40	HITUNG / CALCULATED		
41	CATATKAN / RECORD		
42	ULANGI / REPEAT		
43	LETAKKAN / PLACED		
44	PERHATIKAN / OBSERVED		
45	ALIHKAN / MOVED		
46	TURAS / FILTERED		
47	GANTUNG / HANGED		
48	CAMPURKAN / MIXTURED		
49	PINDAHKAN / TRANSFERRED		
50	KERINGKAN / DRY / DRIED		

PENGUKURAN BAHAN KIMIA Chemical measurement	CADANGAN KUANTITI YANG SESUAI Suggested/suitable range of chemical quantity
ISIPADU ASID / ALKALI / LARUTAN Volume of acid /alkali / salt solution	<p style="text-align: center;">25 - 250 cm³ (25 cm³ / 50 cm³ selalu digunakan / usually use)</p> <p style="text-align: center;">Mengikuti bekas / radas digunakan : According to apparatus used :</p> <p>Tabung uji / test tube : 5 / 10 cm³ Buret / burette : 50 cm³ Kelalang kon / conical flask : 15 / 25 / 50 cm³ Bikar mengikut saiz / Beaker according size : 10 / 25 cm³</p>
BAHAN KIMIA PEPEJAL SERBUK / KETULAN / GRANUL Marmar / kprum oksida / kalsium karbonat <i>Mass of solid / marble chips / powder / granulated</i>	<p style="text-align: center;">5 – 10 g / Biasanya / usually 5 g</p>
KEPEKATAN LARUTAN / ASID / ALKALI ConVO = Concentration + Volume KEPEKATAN + ISIPADU = “KEPADU” Concentration of acid / alkali / salt solution	<p>0.2 – 2.0 mol dm⁻³ (kebiasaannya 1.0 mol dm⁻³)</p> <p>Larutan CAIR : 0.1 / 0.01 mol dm⁻³ <i>Dilute solution :</i></p> <p>Larutan BIASA : 1.0 mol dm⁻³ <i>Normal solution :</i></p> <p>Larutan PEKAT : 2.0 mol dm⁻³ <i>Concentrate solution :</i></p> <p>Teknik ConVO – MESTI dalam menyatakan larutan : ISIPADU / VOLUME KEPEKATAN / CONCENTRATION 25 cm⁻³ asid hidroklorik 1.0 mol dm⁻³ BAHAN KIMIA / CHEMICAL</p>

AMAT PENTING !!!!!

UNIT UKURAN SEMUA SATU TEMPAT PERPULUHAN KECUALI BURET

VOLTMETER / PEMBARIS / JAM RANDIK / TERMOMETER : 1 titik perpuluhan : 1.0 // 2.1 // 3.5

BURET : 2 titik perpuluhan : 1.00 // 2.10 // 3.50 cm³

BIL	BAHAN SUBSTANCE	FORMULA EMPIRIK EMPERICAL FORMULAE	COMMON COLOUR	WARNA		
1	Gas florin Florine gas	F ₂	Pale yellow	Kuning muda		
2	Gas klorin Chlorine gas	Cl ₂	Greenish-yellow / pale green	Hijau muda		
3	Gas bromin Bromine gas	Br ₂	Brown	Perang		
4	Iodin gas	I ₂	Purplish black	Biru kehitaman		
5	Kuprum (atom / logam) Copper (atom / metal)	Cu	Brown deposited	Enapan perang		
6	Kuprum (II) oksida Copper (II) oxide	CuO	Black solid	Pepejal hitam		
7	Ion Kuprum (II) Ion Copper(II)	Cu ²⁺ Dalam larutan in solution	Blue solution	Larutan biru		
8	Ferum (II) dalam larutan Iron (II) in solution	Fe ²⁺	pale green	Hijau muda		
9	Ferum (III) dalam larutan Iron (III) in solution	Fe ³⁺	Brown solution	Larutan perang		
10	Ion Kromium (III) Chromium (III) ion	Cr ³⁺	Green	Hijau		
11	Ion kromat (IV) Chromate (IV) ion	CrO ₄ ²⁻	Yellow	Kuning		
12	Ion dikromat (VII) Dichromate (VI) ion	Cr ₂ O ₇ ²⁻	Orange	Jingga		
13	Ion mangan (II) Manganese (II) ion	Mn ²⁺	Light pink	Merah jambu		
14	Ion manganat (VII) Manganate (VII) ion	MnO ₄ ⁻	Purple	Ungu		
15	Logam argentum / perak Silver metal / solid	Ag	Shiny grey solid	Pepejal kelabu berkilat		
16	Ion argentum / perak Silver ion	Ag ⁺	Colourless solution	Larutan jernih / tidak berwarna		
17	Plumbum iodida Lead iodide	PbI ₂	Yellow precipitate	Mendakan kuning		
18	Plumbum (II) nitrat Lead nitrate	Pb(NO ₃) ₂	White putih - pepejal	Brown / perang - panas	Yellow / kuning - sejuk	Colourless solution / Larutan tidak berwarna
19	Zink nitrat Zinc nitrate	ZnNO ₃	Kuning - panas	Putih - sejuk		
20	Kuprum (II) klorida kontang Copper (II) chloride anhydrous / kontang	CuCl ₂	White solid	Pepejal putih		

BIL	PENUNJUK / INDICATOR	ASID ACIDIC	NEUTRAL NEUTRAL	ALKALI ALKALINE
1	Metil jingga Methyl orange	Merah Red	Jingga Orange	Kuning Yellow
2	Fenolftalin Phenolphthalien	Tidak berwarna Colourless		Merah jambu Pink
3	Kertas litmus Litmus paper	Merah Red	Kuning Yellow	Biru Blue
4	Penunjuk semesta Universal indicator	Merah Red	Hijau Green	Biru Blue

SENARAI FORMULA PENTING PENGIRAAN KIMIA

$$\text{Jisim Molekul relatif} = \frac{\text{Jisim purata satu molekl bahan}}{\frac{1}{12} \times \text{jisim satu atom carbon-12}}$$

$$\text{Bilangan Mol} = \frac{\text{Jisim Bahan (g)}}{\text{Jisim satu molar bahan (JMR)}}$$

$$\text{Bilangan mol gas} = \frac{\text{Isipadu gas}}{\text{isipadu Molar gas}}$$

1 mol gas menepati 24 dm³ pada suhu bilik // 22.4 dm³ pada Suhu dan Tekanan Piawai , STP

$$\text{Bilangan mol} = \frac{\text{Bilangan partikel atau atom}}{N_A}$$

Pemalar Avogadro , N_A = 6.02 x 10²³ zarah

$$\text{Bilangan mol} = \frac{MV}{1000} = \frac{\text{Jisim (g)}}{JMR}$$

$$\text{Kepekatan (g dm}^{-3}\text{)} = \frac{\text{Jisim zat terlarut (g)}}{\text{Isipadu larutan}}$$

$$\text{Kemolaran (mol dm}^{-3}\text{)} = \frac{\text{Bilangan mol (mol)}}{\text{Isipadu larutan}}$$

$$M_1V_1 = M_2V_2$$

$$M_aV_a = M_bV_b$$

$$\frac{M_aV_a}{M_bV_b} = \frac{a}{b}$$

Kadar tindakbalas pada masa tertentu = kira kecerunan tangent graf

$$\text{Kadar tindak balas purata} = \frac{\text{Isipadu maksima}}{\text{masa tindak balas}}$$

Haba dibebaskan , Q = mcΘ
Dirujuk kepada pengiraan untuk 1.0 mol

$$\text{Haba (nama tindakbalas) , } \Delta H = \dots\dots\dots \frac{+}{-} \text{ kJ mol}^{-1}$$

JSU KIMIA KERTAS 3 4541 / 3 KIMIA KSSM JPN SABAH

Jumlah Item : 01 item Markah : 15 markah setiap item
Masa : 40 minit (15 minit menyemak radas dan 30 minit menjawab soalan)

ARAS KESUKARAN :

RENDAH	SEDERHANA	TINGGI
5	3	2

ITEM	TOPIK	SK01 – KEMAHIRAN PROSES SAINS											MARKAH	
		MEMERHATI	MENGELAS	MENGUKUR DAN MENGGUNAKAN NOMBOR	INFERENS	MERAMAL	KOMUNIKASI	HUBUNGAN RUANG MASA	TAFSIR DATA	DEFINISI SECARA OPERASI	MENGAWAL PEMBOLEH UBAH	HIPOTESIS		MENG EKSPERIMEN
1	JIRIM – SEBATIAN ION DAN KOVALEN	2	2	2						2	2	2	3	15
2	JADUAL BERKALA – KALA 3	3	2			1	2	2	2					15
3	ASID, BES DAN GARAM - PENEUTRALAN	1	2	3	1	3	2			3				15
4	ASID, BES DAN GARAM – UJIAN GARAM	2	2			3					3	2		15
5	KADAR TINDAK BALAS	1	2	2					2		4		4	15
6	KADAR TINDAK BALAS – KEPEKATAN	3		3			1		1	2	3	2		15
7	KESEIMBANGAN REDOKS -	4	2	2		2	1	1				3	2	15
8	KESEIMBANGAN REDOKS – SEL KIMIA	4			2		2				4		4	15
9	KESEIMBANGAN REDOKS – ELEKTROLISIS	3	3	2		1	2	2	2	3				15
10	SEBATIAN KARBON – HIDROKARBON TEPU				1	3		2		2	3			15
11	SEBATIAN KARBON – KEJELAGAAN	2		1		1	4				3	2	2	15
12	TERMOKIMIA – HABA PENYESARAN	1		2		1		1	2		4	2	3	15
13	TERMOKIMIA – HABA PENEUTRALAN	3		2			2		3	2	3			15

**MAKLUMAT UNTUK CALON
INFORMATION FOR CANDIDATES**

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan Soalan 3.

This question paper consists of three questions :

Question 1 , Question 2 and Question 3.

2. Jawab semua soalan.

Answer all questions.

3. Tunjukkan kerja mengira, ia membantu anda mendapat markah.

Show your working, it may help you to get marks.

4. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.

The diagrams in the questions are not drawn to scale unless stated.

5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

The marks allocated for each questions or sub-part of a question are shown in brackets.

6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.

If you wish to change your answer, cross out the answer that you have done. Then write down the new answer.

7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

You may use a scientific calculator.

8. Anda dinasihatkan supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **setiap soalan.**

*You are advised to spend 40 minutes to answer **each question.***

MAKLUMAN KHAS UNTUK CALON

(MESTI DIBACA OLEH PENGAWAS PEPERIKSAAAN)

“Calon boleh memulakan eksperimen daripada mana-mana soalan. Sekiranya calon tidak dapat meneruskan eksperimen selepas 15 minit, calon boleh meneruskan eksperimen di soalan yang lain. Jika calon masih tidak dapat meneruskan eksperimen di setiap bahagian, calon bolehlah berjumpa Ketua Pengawas Berkecuali dan meminta pertolongan. Saya akan melaporkan kepada Pemeriksa tentang sebarang bantuan yang diberi dan sedikit markah mungkin dipotong.”




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah



Sabah Hebat :
Katakan Tidak Kepada
Nombor 16

MODUL SIMULASI SOALAN AMALI KIMIA AMALI KIMIA SPM

**GURU
KIMIA
SABAH**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

MODUL SIMULASI AMALI KIMIA SPM

BAHAGIAN A : KOMPILASI SOALAN AMALI KIMIA



Sabah Hebat :
Katakan Tidak Kepada
Nombor 16

SENARAI SEMAK CALON

CANDIDATES' CHECK LIST

ARAHAN

Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi lima belas minit pertama. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan dijalankan. Tandakan (\checkmark) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang disedia dan dibekalkan.

INSTRUCTION

You are not allowed to work with apparatus in first fifteen minutes. This period is used to check the apparatus list, read the question and plan the experiment which is carried out. Mark (\checkmark) in the box provided to check the material and apparatus prepared and supplied.

SOALAN 1 / QUESTION 1

Bil Number	Radas/ Bahan Apparatus/ Material	Kuantiti Quantity	Ya (\checkmark) / Tidak (X) Yes (\checkmark) / No (X)
1	Serbuk P <i>P powder</i>	1	()
2	Pepejal Q <i>Solid Q</i>	1	()
3	Pepejal R <i>R powder</i>	1	()
4	Serbuk S <i>S powder</i>	1	()
5	Sikloheksana <i>Cyclohexane</i>	20 cm ³	()
6	Air suling <i>Distilled water</i>	20 cm ³	()
7	Tabung uji <i>Test tube</i>	8	()

Jadual 1 / Table 1

1. Anda dikehendaki menjalankan eksperimen untuk mengkaji perbezaan sifat sebatian ion dan sebatian kovalen

You are required to conduct an experiment to study the difference in properties between ionic compounds and covalent compounds

a) Rancangkan satu eksperimen bagi mengkaji keterlarutan sebatian ion dan sebatian kovalen dengan menggunakan radas dan bahan yang diberikan dalam Jadual 1. Prosedur anda hendaklah mengandungi:

- Cara mengendalikan pemboleh ubah

Plan one experiment to study the solubility of ionic compounds and covalent compounds by using the apparatus and materials provided in Table 1. Your procedure should include:

- *Method to handle variables*

[3 markah] [3 marks]

b) Catatkan pemerhatian anda tentang keterlarutan sebatian dalam Jadual 1.1

Record your observations on the solubility of compounds in Table 1.1

Sebatian Compounds	Keterlarutan di dalam air suling, H₂O <i>Solubility in distilled water, H₂O</i>	Keterlarutan di dalam sikloheksana, C₆H₁₂ <i>Solubility in cyclohexane, C₆H₁₂</i>
P		
Q		
R		
S		

Jadual 1.1 / Table 1.1

[2 markah] [2 marks]

c) Nyatakan pembolehubah bagi eksperimen ini


State the variables for this experiment

(i) Pembolehubah dimanipulasikan : <i>Manipulated variable:</i>	
(ii) Pembolehubah bergerak balas : <i>Responding variable:</i>	
(iii) Pembolehubah dimalarkan : <i>Fixed variable:</i>	Isipadu air dan sikloheksena <i>Volume of water and cyclohexane</i>

[2 markah] [2 marks]

- d) Nyatakan hipotesis bagi eksperimen ini
State the hypothesis for this experiment

[2 markah] / [2 marks]



Rajah 1 / Figure 1

- e) Satu eksperimen dijalankan bagi menguji kekonduksian elektrik plumbum (II) bromida dan naftalena. Terangkan pemerhatian kekonduksian elektrik plumbum (II) bromida dalam keadaan pepejal dan leburan.

An experiment is conducted to study the electrical conductivity of lead (II) bromide and naphthalene. Explain the observation of electrical conductivity for lead(II) bromide in solid and molten state.

[2 markah] / [2 marks]

f) Berdasarkan Rajah 1 nyatakan definisi operasi bagi eksperimen tersebut.

Based on figure 1, state the operational definition for the experiment

[2 markah] / [2 marks]

g) Kelaskan sebatian berikut kepada sebatian ion dan sebatian kovalen

Classify the given compounds to ionic compounds and covalent compounds

Natrium bikarbonat <i>Sodium bicarbonate</i>	Parasetamol <i>Paracetamol</i>	Ammonium nitrat <i>Ammonium nitrate</i>	Turpentin <i>Turpentine</i>
--	-----------------------------------	--	--------------------------------

[2 markah] [2 marks]

SOALAN 2 / QUESTION 2 :**ARAHAN**

Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi lima belas minit pertama. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan dijalankan. Tandakan (\surd) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang sedia dan dibekalkan.

INSTRUCTION

You are not allowed to work with apparatus in first fifteen minutes. This period is used to check the apparatus list, read the question and plan the experiment which is carried out. Mark (\surd) in the box provided to check the material and apparatus prepared and supplied.

SOALAN 2 / QUESTION 2

Bil Number	Radas/ Bahan Apparatus/ Material	Kuantiti Quantity	Ya (\surd) / Tidak (X) Yes (\surd) / No (X)
1	Bikar 50 cm ³ berisi asid nitrik 2.0 mol dm ⁻³ 50 cm ³ beaker containing 2.0 mol dm ⁻³ nitic acid	1	()
2	Bikar 50 cm ³ berisi natrium hidroksida 2.0 mol dm ⁻³ 50 cm ³ beaker containing 2.0 mol dm ⁻³ Sodium hydroxide	1	()
3	Magnesium oksida Magnesium oxide	1	()
4	Aluminium oksida Aluminium oxide	1	()
5	Silikon (IV) oksida Silicon (IV) oxide	1	()
6	Tabung uji Test tube	2	()
7	Spatula Spatula	2	()
8	Penunu bunsen Bunsen burner	1	()
9	Silinder penyukat 10 cm ³ 10 cm ³ measuring cylinder	1	()
10	Rod kaca Glass rod	1	()
11	Penyepit tabung uji Tongs	1	()

Jadual 1 / Table 1

1. Anda dikehendaki menjalankan eksperimen untuk mengkaji perubahan sifat kimia oksida unsur apabila merentasi kala 3.

You are required to conduct an experiment to study the change of chemical properties of oxide elements across Period 3.

a) Rancangkan eksperimen ini dengan menggunakan radas dan bahan yang diberikan dalam Jadual 1. Prosedur anda hendaklah mengandungi:

- Cara mengendalikan pemboleh ubah

Plan your experiment by using the apparatus and materials provided in Table 1. Your procedure should include:

- *Method to handle variables*

[3 markah] [3 marks]

- b) Bina satu jadual untuk merekodkan keterlarutan bahan dalam eksperimen ini.
Construct a table to record the solubility of substances in this experiment

[3 markah] [3 marks]

- c) Terangkan pemerhatian anda bagi keterlarutan sebatian Al_2O_3
Explain your observation in the solubility of aluminium oxide

[2 markah] [2 marks]

- d) Tuliskan persamaan kimia seimbang bagi tindak balas di antara aluminium oksida dengan asid nitrik.
Write a balance chemical equation for the reaction between aluminium oxide with nitric acid.

[2 markah] [2 marks]

- e) Nyatakan hubungan diantara keterlarutan saiz aluminium oksida dan masa yang diambil untuk tindak balas peneutralan berlaku
State the relationship between size of aluminium oxide and the time taken for neutralisation reaction to occur.

[2 markah] [2 marks]

- f) Kelaskan oksida berikut kepada oksida asid dan oksida bes
Classify the following oxide into acidic oxide and basic oxide

Natrium oksida <i>Sodium oxide</i>	Sulfur dioksida <i>Sulfur dioxide</i>	Nitrogen dioksida <i>Nitrogen dioxide</i>	Kalsium oksida <i>Calcium oxide</i>
---------------------------------------	--	--	--

[2 markah] [2 marks]

- g) Ramalkan perubahan sifat kimia unsur merentasi Kala 2
Predict the change in chemical properties for elements across Period 2

[1 markah] [1 marks]

SOALAN 3 : QUESTION 3 :**SENARAI SEMAK CALON**
CANDIDATES' CHECK LIST**ARAHAN**

Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi lima belas minit pertama. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan dijalankan. Tandakan (\checkmark) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang sedia dan dibekalkan.

INSTRUCTION

You are not allow to work with apparatus in the first fifteen minutes. This period is use to check the apparatus list, read the question and plan the experiment which will be carry out. Mark (\checkmark) in the box provided to check the material and apparatus prepared and supplied.

SOALAN 3 : QUESTION 3

Bil No.	Radas/Bahan Apparatus / Material	Kuantiti Quantity	Ya (\checkmark) / Tidak (X) Yes (\checkmark) / No (X)
1	Bikar 150 cm ³ berisi 100 cm ³ asid hidroklorik 1.0 mol dm ⁻³ 150 cm ³ beaker containing 100 cm ³ hydrochloric acid 1.0 mol dm ⁻³	1	()
2	Bikar 150 cm ³ berisi 100 cm ³ larutan natrium hidroksida 150 cm ³ beaker containing 100 cm ³ sodium hydroxide solution	1	()
3	Botol berisi 50 cm ³ air suling Wash bottle filled with 50 cm ³ distilled water	1	()
4	Kelalang kon 100 cm ³ berlabel Set kasar, Set I dan Set II 100 cm ³ conical flask labelled Raw Set, Set I, and Set II.	3	()
5	Silinder penyukat 50 cm ³ 50 cm ³ measuring cylinder	1	()
6	Corong turas kecil Small filter funnel	1	()
7	Biker 50 cm ³ berisi 10 cm ³ petunjuk fenolftalein 50 cm ³ beaker filled with 10 cm ³ Phenolphthalein indicator	1	()
8	Buret Burette	1	()
9	Penitis Dropper	1	()
10	Kaki retort Retort stand	1	()
11	Jubin putih White marble	1	()

3

Dalam pentitratan asid-bes, larutan yang diketahui kepekatannya ditambahkan secara perlahan-lahan daripada buret ke dalam kelalang kon yang mengandungi suatu isi padu larutan yang tidak diketahui kepekatannya.


In acid-base titration, the known concentration of solution will be slowly added from burette into a conical flask contain with a volume of solution which the concentration is unknown.

Anda dibekalkan dengan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} . Anda dikehendaki untuk menentukan kepekatan larutan natrium hidroksida melalui tindak balas peneutralan antara asid hidroklorik dan larutan natrium hidroksida.

You are given with hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} . You are asked to determine the concentration of sodium hydroxide solution via neutralisation reaction between hydrochloric acid and sodium hydroxide solution.

Rajah 1 menunjukkan susunan radas eksperimen yang akan dijalankan.

Diagram 1 shows the apparatus set-up of experiment that will be conducting.



Rajah 1
Diagram 1

Berikut merupakan langkah-langkah eksperimen:

The following are experimental steps:

1. Bilaskan permukaan di bahagian dalam sebatang pipet, 25 cm^3 dengan sedikit larutan natrium hidroksida. Kemudian, keluarkan semua larutan itu.
Rinse the inner surface of pipette, 25 cm^3 with a little sodium hydroxide solution. Then, remove all the solution.
2. Pipetkan dengan tepat 25.0 cm^3 larutan natrium hidroksida. Pindahkan larutan itu ke dalam sebuah kelalang kon.
Pipet 25 cm^3 sodium hydroxide solution accurately. Transfer the solution into a conical flask.
3. Tambahkan 3 titis petunjuk fenolftalein ke dalam larutan natrium hidroksida dan goncangkan.
Add 3 drops phenolphthalein indicator into sodium hydroxide solution and shake it.
4. Bilaskan permukaan di bahagian dalam sebatang buret dengan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} . Kemudian, keluarkan semua larutan itu.
Rinse the inner surface of burette with hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} . Then, remove all the solution.
5. Isikan buret dengan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} dan apitkan buret pada kaki retort. Rekod bacaan awal buret.
Fill the burette with hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} and clamp the burette to the retort stand. Record the initial burette reading.
6. Alirkan larutan natrium hidroksida, 1.0 mol dm^{-3} secara perlahan-lahan ke dalam kelalang kon sambil memusarkan kelalang kon.
Slowly flow the sodium hydroxide solution, 1.0 mol dm^{-3} into a conical flask while swirl the conical flask.

7. Hentikan penambahan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} sebaik sahaja warna larutan dalam kelalang kon berubah warna. Rekod bacaan akhir buret.
Stop the addition of hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} right after the color of solution in the conical flask change. Record the final burette reading.
8. Hitungkan isipadu kasar, $V \text{ cm}^3$ asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} yang diperlukan dalam pentitratan.
Calculate the raw volume, $V \text{ cm}^3$ hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} needed during titration.
9. Ulang langkah 2 dan 3.
Repeat step 2 and 3.
10. Alirkan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} ($V - 5$) cm^3 ke dalam kelalang kon berisi 25 cm^3 larutan natrium hidroksida. Kemudian, hentikan aliran asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} .
Flow hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} ($V - 5$) cm^3 into conical flask filled with 25 cm^3 sodium hydroxide solution. Then, stop the flowing of hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} .
11. Tambahkan asid hidroklorik, 1.0 mol dm^{-3} , titik demi titik ke dalam kelalang kon sambil memusarkan kelalang kon itu.
Add drop by drop hydrochloric acid, 1.0 mol dm^{-3} , into conical flask while swirling the conical flask.
12. Hentikan pentitratan sebaik sahaja warna larutan di dalam kelalang kon bertukar. Rekod bacaan akhir buret.
Stop the titration right after the color of the solution in the conical flask change. Record the final of burette reading.
13. Ulang langkah 9 hingga 12 untuk set II.
Repeat step 9 until 12 for set II.
14. Rekod keputusan anda dalam jadual 1.
Record your result in table 1.

Set eksperimen Experiment set	Kasar Raw	I	II
Bacaan akhir buret, cm^3 <i>Final burette reading, cm^3</i>			
Bacaan awal buret, cm^3 <i>Initial burette reading, cm^3</i>			
Isipadu asid hidroklorik yang diperlukan, cm^3 <i>Volume of hydrochloric acid needed, cm^3</i>			

Jadual 1 / Table 1

[2 markah] [2 mark]

- (a) Perubahan warna penunjuk fenolftalein menunjukkan takat akhir titratan dicapai.
The colour change of phenolphthalein indicator shows the titrate end point achieved.

- (i) Nyatakan perubahan warna tersebut.
State the colour change.

.....
[1 markah] [1 mark]

- (ii) Nyatakan inferens berdasarkan jawapan anda di (a)(i).
State the inferens according your answer in (a)(i).

.....
.....
[1 markah][1 mark]

- (iii) Nyatakan definisi secara operasi bagi takat akhir titratan.
State the operational definition for the titrate end point.

.....
.....
.....

[3 markah][3 mark]

- (b) Hitungkan kepekatan larutan natrium hidroksida yang digunakan dalam eksperimen tersebut.
Calculate the concentration of sodium hydroxide solution used in the experiment.

[3 markah] [3 mark]

- (c) Jika pentitratan ini diulangi dengan menggunakan asid sulfurik, 1.0 mol dm^{-3} bagi menggantikan larutan asid hidroklorik dengan keadaan yang lain adalah sama, ramalkan isi padu asid sulfurik yang diperlukan untuk mencapai takat akhir titratan.
Nyatakan sebab bagi ramalan anda.
*If the titration is repeated by using sulphuric acid, 1.0 mol dm^{-3} to replace the hydrochloric acid while the other condition remain the same, predict the volume of sulphuric acid needed to achieve the titrate end point.
State the reason for your prediction.*

.....
.....
.....

[3 markah][3 mark]

- (d) Kelaskan ion-ion yang terdapat dalam larutan natrium hidroksida dan larutan asid hidroklorik yang digunakan dalam eksperimen itu kepada kation dan anion.
Classify the ions in the sodium hydroxide and hydrochloric acid solution used in the experiment to cation and anion.

[2 markah] [2 mark]

SOALAN 4 : QUESTION 4 :**INSTRUCTION / ARAHAN :**

Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi **lima belas minit pertama**. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk **menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan anda jalankan**.

Tandakan (✓) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang disediakan dan dibekalkan.

*You are not allowed to work with the apparatus for **first fifteen minutes**. During this period is used to **check the list of apparatus, reading of question and planning of experiment that will be conducted**.*

Mark (✓) on the provided box to check the material and apparatus that are provided and prepared.

SOALAN 4 : QUESTION 4 :

Bil	Radas dan Bahan Kimia <i>Chemical and apparatus</i>	Kuantiti per calon <i>Quantity per candidate</i>	Tanda Mark (✓)	Catatan Note
1	Tabung uji <i>Test tube</i>	4		
2	Selinder penyukat 5 atau 10 cm ³ <i>Measuring cylinder 5 or 10 cm³</i>	2		
3	Larutan Natrium hidroksida 1.0 mol dm ⁻³ <i>Sodium hydroxide 1.0 mol dm⁻³</i>	100 cm ⁻³ dikongsi <i>100 cm³ sharing</i>		Reagen meja berkongsi <i>Sharing table reagent</i>
4	Larutan asid nitrik 1.0 mol dm ⁻³ <i>Nitric acid 1.0 mol dm⁻³</i>	100 cm ⁻³ dikongsi <i>100 cm³ sharing</i>		Reagen meja berkongsi <i>Sharing table reagent</i>
5	Larutan Argentum nitrat 1.0 mol dm ⁻³ <i>Silver nitric 1.0 mol dm⁻³</i>	100 cm ⁻³ dikongsi <i>100 cm³ sharing</i>		Reagen meja berkongsi <i>Sharing table reagent</i>
6	Penitis <i>Dropper</i>	4		
7	Pepejal K1 : <i>K1 powder</i>	1		
8	Pepejal K2 : <i>K1 powder</i>	1		
9	Rod kaca <i>Glass rod</i>	2		
10	Rak tabung uji <i>Test tube rack</i>	1		
11	Bikar 50 ml <i>Beaker 50 ml</i>	3		

SOALAN 4 : QUESTION 4 :



Tujuan eksperimen ini dijalankan untuk mengkaji keterlarutan 2 jenis garam K1 dan K2 dalam air serta menentukan anion dan kation yang hadir dalam garam K2. Jalankan langkah-langkah berikut bagi eksperimen ini.

Aim of this experiment is to investigate the solubility of two salts , K1 and K2 in water and to determine the anion and cation of K2. Carry out the following procedure for this experiment

Kaedah / Procedur :

1. Masukkan sebanyak 1 spatula garam K1 ke dalam sebuah bikar
Add a spatula of salts K1 into test tube.
2. Sukat 15 cm³ air dan tuangkan ke dalam bikar tersebut.
Measure 15 cm³ of water and pour into the beaker
3. Kacau campuran tersebut dengan menggunakan rod
Stir the mixture by using glass rod.
4. Perhati dan rekodkan pemerhatian anda.
Observe and record your observation.
5. Ulangi langkah 1-4 dengan menggunakan garam K2.
Repeat steps 1-4 using salt K2
6. Dengan menggunakan larutan garam K1, masukkan ke dalam dua tabung uji berasingan
Using solution of salts K1, pour into two test tube
7. Tambahkan larutan natrium hidroksida ke dalam tabung uji itu.
Add sodium hydroxide solution into one of the test tube
8. Perhatikan dan tambahkan sehingga larutan natrium hidroksida berlebihan.
Observed it and add excess sodium hydroxide
9. Dalam tabung uji berasingan yang mengandungi larutan K1, tambahkan asid nitrik cair dengan diikuti larutan argentum nitrat.
In other test tube , add nitric acid and silver nitrate.
10. Perhatikan dan rekod pemerhatian anda.
Observed and record.

Berdasarkan eksperimen itu.
Based on the experiment,

- a. Bina satu jadual untuk merekodkan pemerhatian anda bagi eksperimen tersebut.
Construct a table to record your observations for the experiment.

[2 markah / 2 marks]

- b. Nyatakan pemboleh ubah bagi eksperimen ini.
State all the variables for this experiment

- (i) Pemboleh ubah dimanipulasikan
The manipulated variable :

- (ii) Pemboleh ubah bergerak balas
The responding variable :

- (iii) Pemboleh ubah dimalarkan
The constant variable :

[3 markah / 3 marks]

Nyatakan satu hipotesis bagi eksperimen ini.

- c. *State one hypothesis for this experiment.*

.....
.....
.....

[2 marks / 2 markah]

- d. Berikut adalah contoh beberapa garam.
Below are some examples of salt.

Barium sulfat, BaSO_4

Barium Sulphate, BaSO_4

Argentum nitrat, AgNO_3

Silver nitrate, AgNO_3

Zink klorida, ZnCl_2

Zinc chloride, ZnCl_2

Natrium karbonat, Na_2CO_3

Sodium carbonate, Na_2CO_3

Kelaskan garam yang diberi kepada garam terlarutkan dan garam tidak terlarutkan.
Classify the salts given into soluble salt and insoluble salt.

[2 markah / 2 marks]

- e. Tentukan anion dan kation yang hadir dalam larutan garam K1. Nyatakan apakah garam K1.
Determine the anion and cation present in solution K1. State what is salts K1.

Anion / Anion :

Kation / Cation :

Salt K1 is / Garam K1 ialah :

[3 markah / 3 marks]

SOALAN 5 : QUESTION 5 :**INSTRUCTION/ ARAHAN :**

You are not allowed to work with the apparatus for first fifteen minutes. During this period is used to **check the list of apparatus, reading of question and planning of experiment that will be conducted.**

Mark (✓) on the provided box to check the material and apparatus that are provided and prepared.

*Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi lima belas minit pertama. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk **menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan anda jalankan.***

Tandakan (✓) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang disediakan dan dibekalkan.

QUESTION 5 / SOALAN 5 :

Bil	Radas dan Bahan Kimia Apparatus / Material	Kuantiti per calon Quantity	Tandakan YA (✓) / TIDAK (X) Yes (✓) / No (X)
1	Bikar 150 cm ³ bersi asid hidroklorik 2.0 mol dm ⁻³ <i>150 cm³ beaker containing 2.0 mol dm⁻³ hydrochloric acid</i>	1	
2	Pita Magnesium 3 cm <i>Magnesium ribbon 3 cm</i>	3 unit	
3	Botol berisi air suling <i>Bottle filled with distilled water</i>	1	
4	Bikar 100 cm ³ berlabel Set I, Set II dan Set III <i>100 cm³ beaker labelled Set I, Set II and Set III</i>	3	
5	Silinder penyukar 100 cm ³ <i>100 cm³ measuring cylinder</i>	1	
6	Silinder penyukar 25 cm ³ <i>25 cm³ measuring cylinder</i>	1	
7	Jam randik <i>Stopwatch</i>	1	
8	Rod kaca <i>Glass rod</i>	1	
9	Penitis <i>Dropper</i>	1	

SOALAN 5 : QUESTION 5 :

Salah satu faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas ialah kepekatan larutan bahan tindak balas.

One of the factors affecting the rate of reaction is the concentration of reactant's solution.

Bahagian A / Part A:

Anda dibekalkan dengan asid hidroklorik, HCl 2.0 mol dm⁻³. Daripada asid hidroklorik yang dibekalkan itu anda dikehendaki menyediakan tiga larutan asid hidroklorik, HCl dengan kepekatan yang berbeza melalui kaedah pencairan dengan merujuk kepada Jadual 1. Gunakan formula yang diberikan dan data yang diperolehi untuk menghitung kepekatan asid hidroklorik yang dicatatkan. Lengkapkan Jadual 1.

You are supplied with 2.0 mol dm⁻³ hydrochloric acid, HCl. From the supplied hydrochloric acid, you are required to prepare three hydrochloric acid, HCl solutions with different concentrations through dilution method by referring to Table 1. Use the formula given and the data obtained to calculate the concentration of the diluted hydrochloric acid. Complete the Table 1.

Set Eksperimen <i>Experiment sets</i>	I	II	III
Isipadu asid hidroklorik, HCl 2.0 mol dm ⁻³ , V ₁ (cm ³) <i>Volume of hydrochloric acid, HCl 2.0 mol dm⁻³, V₁ (cm³)</i>			
Isipadu air suling (cm ³) <i>Volume of distilled water (cm³)</i>	5.0	15.0	25.0
Jumlah isipadu campuran, V ₂ (cm ³) <i>Total volume of mixture, V₂ (cm³)</i>	50.0	50.0	50.0
Kepekatan asid hidroklorik, HCl sebelum tindakbalas, M ₁ (mol dm ⁻³) <i>Concentration of hydrochloric acid, HCl before reaction, M₁ (mol dm⁻³)</i>	2.0	2.0	2.0
Kepekatan asid hidroklorik, HCl yang bertindak balas, M ₂ (mol dm ⁻³) <i>Concentration of hydrochloric acid, HCl reacted, M₂ (mol dm⁻³)</i> Formula : $M_2 = \frac{M_1 V_1}{V_2}$			

Jadual 1 / Table 1

Langkah-langkah pencairan.

Steps of dilution.

- (i) Dengan menggunakan silinder penyukat, sukat 45.0 cm^3 asid hidroklorik, $\text{HCl } 2.0 \text{ mol dm}^{-3}$ dan tuangkan ke dalam bikar 100 cm^3 berlabel Set I.
By using measuring cylinder, measure 45.0 cm^3 hydrochloric acid, $\text{HCl } 2.0 \text{ mol dm}^{-3}$ and pour it into a 100 cm^3 beaker labelled Set I.
- (ii) Dengan menggunakan silinder penyukat 25 cm^3 , sukat 5 cm^3 air suling dan tuangkan ke dalam bikar yang mengandungi asid hidroklorik.
By using 25 cm^3 measuring cylinder, measure 5 cm^3 of distilled water and pour it into beaker containing hydrochloric acid.
- (iii) Kacau larutan dengan menggunakan rod kaca.
Stir the solution by using a glass rod
- (iv) Larutan yang disediakan akan digunakan untuk bahagian B.
The solution prepared will be use for part B.

Dengan menggunakan Jadual 1, ulang langkah-langkah pencairan untuk menyediakan larutan-larutan bagi Set II dan Set III.

By using Table 1, repeat steps of dilution to prepare for Set II and Set III.


- (a) Hitung kepekatan asid hidroklorik dengan menggunakan formula yang diberikan seperti dalam Jadual 1.
Calculate the concentration of hydrochloric acid using the formula given in Table 1.

[1 markah]
[1 mark]

Bahagian B / Part B

Rajah 1 menunjukkan susunan radas bagi menentukan kadar tindak balas antara magnesium dengan asid hidroklorik.

Diagram 1 shows apparatus set up to determine the rate of reaction between magnesium and hydrochloric acid.



Rajah 1
Diagram 1

Berikut adalah langkah-langkah eksperimen :

This following is the experimental steps :

- (i) Masukkan 3 cm pita magnesium ke dalam asid hidroklorik di bikar berlabel 1 dan dengan serta merta, mulakan jam randik.
Put 3 cm of magnesium ribbon into hydrochloric acid in the beaker labelled Set I and immediately start the stopwatch.
- (ii) Hentikan jam randik sebaik sahaja tindak balas itu lengkap.
Stop the stopwatch once the reaction has completed.
- (iii) Rekod masa yang diambil dalam Jadual 2.
Record the time taken in Table 2.
